

Innovating Sustainable Solutions



The Role of Sanitary Landfill in Modern Waste Management



Group CEO's Message Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

Welcome all to the latest edition of Madah Kita! The beginning of 2024 marked a strong start for the company as we move forward with our strategic growth plans and initiatives for the year. I am confident that our dedication to delivering high-quality services for our valuable customers and providing innovative waste management solutions will continue to drive success in the coming months.

I want to thank our team of staff, who have worked diligently to achieve our goals and deliver exceptional results since the start of the year. In any service-oriented business, quality service is the cornerstone of success. Our teams at Trienekens, be it the frontliners, the operations teams or the support staff, are all highly committed and trained to deliver quality outputs that meet the high demand and expectations of the public and our customers while prioritising safe and efficient delivery of our services.

We recently received the SDEC Early Adopter Excellence (Industry) Award, which recognised the company's contribution to the research and development of new technologies in waste management. As an industry expert, we are keen advocates of such collaborations, as they help advance the waste management industry in the region and also help us to remain at the forefront of industry standards, enabling us to adapt and excel in a constantly changing environment.

The drive for innovation also encompasses our treatment and disposal components, where we strive to adopt green and sustainable processes. This includes upgrading the management and operation of the sanitary landfill to enhance its role in reducing environmental impacts while harnessing its potential in generating renewable energy.

This year, we will continue fostering collaborations with our stakeholders with the main goal of raising environmental awareness and accelerating the sustainability agenda for the Sarawak region. We will not only be working with government agencies, communities, schools and educational institutions but also with other business entities that are keen to start on their own sustainability journey.

Reading through this new issue of Madah Kita will give you a glimpse of the latest and most interesting news about the company's progress and activities. Hope you'll enjoy reading them!

Selamat datang ke edisi terbaru Madah Kita! Awal 2024 menandakan permulaan yang kukuh untuk syarikat dalam kita bergerak ke hadapan dengan rencana-rencana dan inisiatif-inisiatif perkembangan strategik kita untuk tahun ini. Saya yakin dedikasi kita dalam memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi kepada pelanggan-pelanggan yang dihargai dan menyediakan penyelesaian-penyelesaian pengurusan sisa yang inovatif akan terus membuahkan kejayaan pada bulan-bulan akan datang.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada staff kita yang telah gigih berusaha untuk mencapai matlamat kita dan memberikan hasil yang cemerlang sejak awal tahun. Dalam mana-mana perniagaan yang berorientasikan perkhidmatan, perkhidmatan berkualiti merupakan asas utama kejayaan. Pasukan kita di Trienekens, tak kira barisan hadapan, bahagian operasi atau pasukan sokongan, sangat komited dan terlatih untuk memberikan output berkualiti yang memenuhi kehendak dan jangkaan tinggi di kalangan awam dan pelanggan kami serta mengutamakan perkhidmatan yang selamat dan efisien.

Baru-baru ini, kita telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengguna Awal (Industri) SDEC, yang mengiktiraf sumbangan syarikat di dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi-teknologi baru pengurusan sisa. Sebagai pakar industri, kita menyokong penuh kolaborasi seumpama ini kerana ia membantu memajukan industri pengurusan sisa di rantau ini dan ia juga membantu kita kekal di hadapan standard industri, membolehkan kita menyesuaikan dan cemerlang di dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

Usaha inovasi ini juga merangkumi komponen-komponen rawatan dan pelupusan kita di mana kita berusaha untuk mengaplikasi proses-proses hijau dan lestari. Ini termasuklah pengurusan dan operasi tapak pelupusan sanitari, yang berpotensi menjadi satu penyelesaian sisa-ke-tenaga, mengurangkan impak pelupusan sisa ke atas alam sekitar dan juga menghasilkan tenaga yang boleh diperbaharui.

Tahun ini, kita akan meneruskan kolaborasi bersama pihak-pihak berkepentingan kita untuk meningkat kesedaran alam sekitar dan mempercepatkan agenda kelestarian untuk wilayah Sarawak. Kita bukan sahaja akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, komuniti, sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tetapi juga dengan entiti-entiti perniagaan lain yang berminat untuk memulakan perjalanan lestari mereka sendiri.

Isu baru Madah Kita kali ini akan memberikan anda sekilas gambaran tentang berita-berita terbaru dan menarik mengenai perkembangan dan aktiviti-aktiviti syarikat. Saya harap anda akan seronok membacanya!

CONTENTS / KANDUNGAN

Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- Driving Innovative Solutions 02
Memacu Penyelesaian Inovatif
- Charting a Sustainable Journey 03
Melakar Perjalanan Mampan
- Collaborative Efforts for A Sustainable Future 04
Menjalin Kerjasama Demi Kelestarian

HSE

- Reinforcing Safety Compliance 06
Mengukuhkan Pematuhan Keselamatan
- Improving Efficiency through Audits 08
Meningkatkan Kecekapan melalui Audit

Human Resources / Sumber Manusia

- Empowering Excellence Through Training 09
Meningkatkan Kecemerlangan Melalui Latihan

Corporate Social Responsibility / Tanggungjawab Sosial Korporat

- Supporting The Community 12
Menyokong Komuniti

Special Feature / Rencana Khas

- The Role of Sanitary Landfill in Modern Waste Management 14
Peranan Tapak Pelupusan Sanitari dalam Pengurusan Sisa Moden

Our People / Rakan Sekerja Kita

- New Team Members / Tenaga Kerja Baru 16
- Promotions / Kenaikan Pangkat 16

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

17

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:

Katherine Kong

Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:

Janet J. Balong

Rebecca Su

Contributors / Penyumbang:

Clare Kho

Julius Salok

Marilyn Martin

Felicia Raelo



Driving Innovative Solutions

Memacu Penyelesaian Inovatif

Engaging with stakeholders to promote green innovations and facilitating sustainable journeys within organisations is part of Trienekens' long term goals to help build a business community that is not only innovative but also environmentally responsible, where each fabric of the community is equally committed to creating a sustainable environment and future in Sarawak.

Trienekens recently received the esteemed Early Adopter Excellence Award (Industry) from Sarawak Digital Economic Corporation (SDEC) Berhad at its inaugural SDEC Technology Accelerator (STAcc) Demo Day 2024.

The award was given in recognition of Trienekens' contribution as one of the key industry partners who supported STAcc researchers through the sharing of its industry knowledge, innovation and expertise. Working closely with researchers from Swinburne University of Technology Sarawak, the company served as an industry partner and validator for the innovation of a smart waste collection technology.

STAcc is a structured accelerator programme designed to accelerate researchers' commercialisation journeys, providing them with skills and support as well as access to market and funding opportunities to transform their research into market-ready solutions and tangible economic outcomes.

Berlibat urus dengan pihak yang berkepentingan untuk mempromosi inovasi hijau dan memudahkan perjalanan lestari di dalam organisasi-organisasi merupakan matlamat jangka panjang Trienekens untuk membantu mewujudkan komuniti perniagaan yang bukan sahaja inovatif tetapi juga bertanggungjawab terhadap alam sekitar, di mana setiap fabrik masyarakat sama-sama berkomited untuk membina alam sekitar dan masa depan yang lestari di Sarawak.

Baru-baru ini Trienekens telah menerima Anugerah Pengguna Awal (Industri) SDEC yang berprestij daripada Sarawak Digital Economic Corporation (SDEC) Berhad pada Hari Demo Pemecut Teknologi SDEC (STAcc) 2024 yang julung kalinya diadakan.

Anugerah tersebut merupakan pengiktirafan ke atas sumbangan Trienekens sebagai salah satu rakan industri utama yang menyokong penyelidik STAcc melalui perkongsian pengetahuan industri, inovasi dan kepakaran. Melalui kerjasama erat dengan para penyelidik dari Swinburne University of Technology Sarawak, syarikat berperanan sebagai rakan industri dan pengesah inovasi teknologi pengumpulan sisa pintar.

STAcc adalah program pecutan berstruktur yang direka untuk mempercepatkan perjalanan para penyelidik ke arah komersialisasi yang membekalkan mereka dengan kemahiran dan sokongan serta akses untuk menembusi peluang pasaran dan pembiayaan, dan menjadikan penyelidikan mereka sebagai penyelesaian yang tersedia di dalam pasaran dan hasil ekonomi yang nyata.



Trienekens' Department Manager for Business Development (Commercial Waste), Hansen Shim (third right), receiving the award trophy from the Minister for Education, Innovation and Talent Development Sarawak, YB Dato Sri Roland Sagah Wee Inn (third left), witnessed by SDEC Chairman Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani (second left), Deputy Minister for Education, Innovation and Talent Development (Talent Development), YB Datuk Francis Harden Hollis (second right) and SDEC CEO Sudarnoto Osman (far left).

Pengurus Jabatan Pembangunan Perniagaan (Sisa Komersial) Trienekens, Hansen Shim (ketiga kanan), menerima trofi anugerah daripada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak, YB Dato Sri Roland Sagah Wee Inn (ketiga kiri), disaksikan oleh Pengerusi SDEC, Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani (kedua kiri), Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat), YB Datuk Francis Harden Hollis (kedua kanan) dan CEO SDEC, Sudarnoto Osman (hujung kiri).

Charting A Sustainable Journey Melakar Perjalanan Mampan



Datu Laura (second right) and Stephen (third left) officiating the event alongside Noraini Edris (second left), Katherine Kong (far left) and Jeffina Mimi (far right).

Datu Laura (kedua kanan) dan Stephen (ketiga kiri) merasmikan majlis tersebut bersama Noraini Edris (kedua kiri), Katherine Kong (hujung kiri) dan Jeffina Mimi (hujung kanan).

Development Bank of Sarawak (DBOS), the Commission of the City of Kuching North (DBKU), and Trienekens recently joined forces to introduce a green and sustainable working environment for DBOS' employees at Wisma SEDC, Kuching. Themed "Recycle Today, Protect Tomorrow.", the programme signified DBOS' commitment to advance green initiatives within its organisation by implementing best environmental practices such as separating solid waste at source and setting up an in-house recycling system, which also includes e-waste recovery and food composting.

The initial implementation of the sustainability programme witnessed DBOS introducing the best practices of separating solid waste at source and providing recycling bins within their office for use by employees. The employees were also empowered with the appropriate awareness, knowledge, skills, and tools to move their sustainability agenda forward through the partnership with DBKU and Trienekens, who provided talks and workshop session on sustainable waste management.

Present at the launch were DBOS' CEO, Datu Laura Lee, Trienekens Group CEO, Stephen Chin, DBOS' Chief Financial Officer and Lead for Recycling Committee, Noraini Edris, Trienekens' Group Senior Manager for Corporate Affairs, Katherine Kong and DBKU Environmental Health Assistant Officer, Jeffina Mimi.

Bank Pembangunan Sarawak (DBOS), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), dan Trienekens telah bekerjasama untuk memperkenalkan persekitaran kerja yang hijau dan lestari untuk kakitangan DBOS di Wisma SEDC, Kuching. Bertemakan "Kitar Semula Hari Ini, Lindungi Hari Esok", program ini melambangkan komitmen DBOS untuk memajukan inisiatif hijau dalam organisasinya dengan melaksanakan amalan alam sekitar terbaik seperti mengasingkan sisa pepejal di punca dan mewujudkan satu sistem kitar semula dalaman, yang turut melibatkan pemerolehan sisa elektronik dan pengkomposan sisa makanan.

Pelaksanaan awal program kelestarian ini menyaksikan DBOS memperkenalkan cara-cara terbaik untuk mengasingkan sisa pepejal di punca dan menyediakan tong kitar semula di dalam pejabat untuk kegunaan kakitangan mereka. Mereka juga diberi penerangan, pengetahuan, kemahiran dan alat yang sesuai untuk mengaktifkan agenda kelestarian mereka melalui kerjasama dengan DBKU dan Trienekens, yang memberikan taklimat dan bengkel tentang pengurusan sisa lestari.

Hadir di pelancaran tersebut adalah CEO DBOS, Datu Laura Lee, CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, Ketua Pegawai Kewangan DBOS dan Pengerusi Jawatankuasa Kitar Semula, Noraini Edris, Pengurus Kanan Hal Ehwat Korporat Kumpulan Trienekens, Katherine Kong dan Pembantu Pegawai Kesihatan Persekitaran DBKU, Jeffina Mimi.

Collaborative Efforts for A Sustainable Future

Menjalin Kerjasama Demi Kelestarian

Trienekens believes that collaboration between stakeholders is key to achieving continuous growth and improvement of sustainable business practices while promoting awareness, education and economic diversity. With this goal in mind, Trienekens actively engages with industry members, public authorities and clients to spread awareness, share experiences and promote sustainable actions while collectively contributing to the further development of modern environmental management systems.

Trienekens percaya bahawa kerjasama dengan pihak berkepentingan adalah kunci untuk mencapai pertumbuhan berterusan dan penambahbaikan amalan perniagaan yang mampan sambil menggalakkan kesedaran, pendidikan dan kepelbagaian ekonomi. Dengan matlamat ini, Trienekens terlibat secara aktif dengan pelbagai ahli industri, pihak berkuasa awam dan pelanggan untuk meningkat kesedaran, berkongsi pengalaman dan meningkatkan tindakan kemampuannya sambil menyumbang kepada pembangunan sistem pengurusan alam sekitar moden.

Visit by Junior Chambers International (JCI) Miri, Sibul, Tanjong Kidurong and Kuching Lawatan dari Junior Chambers International (JCI) Miri, Sibul, Tanjong Kidurong dan Kuching



Members of JCI Miri, Sibul, Tanjong Kidurong and Kuching led by their Organising Chairperson, Ms. Toh Hui Ying visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) as part a familiarisation visit to gain a better understanding on the facility's operations. The group was welcomed by Department Manager for Landfill, Julian Gabriel.

Rombongan JCI Miri, Sibul, Tanjong Kidurong dan Kuching yang diketuai oleh Pengerusi Penganjur, Cik. Toh Hui Ying telah melawat Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP) untuk memahami operasi fasiliti dengan lebih mendalam. Kumpulan itu disambut oleh Pengurus Jabatan Tapak Pelupusan, Julian Gabriel.



Visit by Global Green Growth Institute (GGGI) of Lao People's Democratic Republic (PDR) Lawatan dari Institut Pertumbuhan Hijau Global (GGGI) Republik Demokratik Rakyat (PDR) Lao

Trienekens welcomed Thidalath Vongsayalath, Programme Officer from the Global Green Growth Institute (GGGI) of Lao People's Democratic Republic (PDR), to KIWMP for a firsthand look at its operations and best practices in sustainable waste management. Welcomed by Group Senior Manager for Corporate Affairs, Katherine Kong and Department Manager for Landfill, Julian Gabriel Bain, both parties engaged in knowledge and experience sharing on waste management practices and explored the opportunities for overcoming waste management challenges through collaborative initiatives among all stakeholders.

Trienekens mengalu-alukan lawatan Cik Thidalath Vongsayalath, Pegawai Program dari GGGI PDR Lao ke KIWMP untuk mengenali operasi fasiliti dan amalan terbaik dalam pengurusan sisa yang mampan. Disambut oleh Pengurus Kanan Kumpulan Hal Ehwai Korporat, Katherine Kong dan Pengurus Jabatan Tapak Pelupusan, Julian Gabriel, kedua-dua pihak berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai amalan pengurusan sisa dan meneroka peluang mengatasi cabaran pengurusan sisa melalui kerjasama antara pihak berkepentingan.

Visit by SEDC Energy / Lawatan dari SEDC Energy



A core aspect of Trienekens' efficiency and growth is keeping up-to-date with the latest technology. Trienekens hosted two visits from SEDC Energy in January and March recently. The team in January (left) was led by Kathleen Kiew, Head of Sales and Operations (second row, second left) from SEDC Energy and welcomed by Stephen Chin, Trienekens Group CEO (front row, centre) while the team in March (right) was led by Mr. Foo Kim Leong, COO of SEDC Energy (front row, second left) and welcomed by Deputy Group CEO, Elvin Wee (front row, second right). The meetings explored the potential of new technologies for operations.

Salah satu teras kecekapan dan pertumbuhan Trienekens ialah mengikuti perkembangan teknologi terkini. Pada bulan Januari dan Mac, Trienekens telah menerima dua lawatan daripada SEDC Energy. Rombongan pada bulan Januari (kiri) diketuai oleh Kathleen Kiew, Ketua Bahagian Jualan dan Operasi (barisan kedua, kedua kiri) dari SEDC Energy dan disambut oleh Stephen Chin, CEO Kumpulan (barisan hadapan, tengah) sementara rombongan pada bulan Mac (kanan) diketuai oleh En. Foo Kim Leong, COO SEDC Energy (barisan hadapan, kedua kiri) disambut oleh Tlmbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee (barisan hadapan, kedua kanan). Pertemuan tersebut telah meneroka potensi teknologi baru untuk operasi.

Visit by Petra Energy Development / Lawatan dari PETRA Energy Development

Petra Energy Development Sdn Bhd recently conducted a familiarisation visit to Trienekens to gain a better understanding on Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Management (CePSWAMs) competency for Scheduled Waste operations. The group was led by Elizabeth James, Contract Holder SK433 (last row, far left) and welcomed by Bintulu Branch Senior Manager, Patricia Susie Nyisong (front row, second right) and Division Manager for Environment R&D, Dayang Sherrynazra (last row, centre).

Petra Energy Development Sdn Bhd baru-baru ini telah mengadakan lawatan suai kenal ke Ibu Pejabat Trienekens untuk memahami dengan lanjut kecekapan Profesional Alam Sekitar Bertauliah dalam Pengurusan Sisa Terjadual (CePSWAMs) mengenai operasi Sisa Terjadual. Pasukan tersebut diketuai oleh Elizabeth James, Pemegang Kontrak SK433 (barisan terakhir, hujung kiri) dan disambut oleh Pengurus Kanan, Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong (barisan hadapan, kedua kanan) dan Pengurus Bahagian R&D Alam Sekitar, Dayang Sherrynazra (barisan terakhir, tengah).



Visit by Padawan Municipal Council (MPP) and Green City Action Plan (GCAP) Consultants Lawatan dari Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dan Perunding Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP)



A delegation consisting of Padawan Municipal Council (MPP) officers and its GCAP consultants, led by Ms. Adriana Gracy, Assistant Environmental Health Officer (second left) visited KIWMP to understand its roles and functions. The group was welcomed by Division Manager of Logistics Operations, Hafizah bt Hamdan, Division Manager of Corporate Communications, Janet Balong and Department Manager of Landfill, Julian Gabriel.

Sekumpulan pegawai dari MPP yang diketuai oleh Cik Adriana Gracy, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (kedua kiri) dan perunding GCAP majlis telah melawat KIWMP untuk memahami peranan dan fungsi fasiliti tersebut yang dikendalikan oleh Trienekens. Rombongan tersebut disambut oleh Pengurus Bahagian Operasi Logistik, Hafizah bt Hamdan, Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Janet Balong dan Pengurus Jabatan Tapak Pelupusan, Julian Gabriel.

Reinforcing Safety Compliance

Mengukuhkan Pematuhan Keselamatan



PFLNG Annual Contractor Forum 2024 / Forum Tahunan Kontraktor PFLNG 2024

Understanding customers' safety expectations, requirements, and goals provides invaluable insights that can help reinforce safety compliance during daily operations. By regularly seeking feedback and staying informed on industry standards, businesses can continuously improve safety measures to meet customer requirements and legal compliance. Valuing this significance, Trienekens, represented by its Group CEO, Stephen Chin and General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho recently headed to Kota Kinabalu to attend the Petronas Floating Liquefied Natural Gas (PFLNG)'s Annual Contractor Forum 2024.

The annual forum served as a platform for all Petronas contractors to share their Health, Safety and Environment (HSE) experience and performance for the year. During the forum, contractors also discussed PFLNG incidences and improvement strategies focusing on HSE aspects as well as the way forward in achieving the highest standard of safety.

Memahami jangkaan, keperluan dan matlamat keselamatan

pelanggan dapat memberikan wawasan bernilai yang boleh membantu mengukuhkan kepatuhan keselamatan di dalam operasi harian. Melalui maklum balas yang kerap dan peka tentang standard industri, perniagaan dapat mempertingkatkan keselamatan secara berterusan untuk memenuhi kehendak pelanggan dan pematuhan perundangan. Menyedari kepentingan ini, Trienekens, diwakili oleh CEO Kumpulan, Stephen Chin dan Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho telah menghadiri Forum Tahunan Kontraktor Gas Asli Cecair Terapung (PFLNG) Petronas 2024 di Kota Kinabalu.

Forum tahunan itu berfungsi sebagai platform untuk kontraktor Petronas berkongsi pengalaman dan prestasi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) mereka untuk tahun tersebut. Semasa forum tersebut, kontraktor turut membincangkan insiden-insiden PFLNG dan strategi-strategi penambahbaikan yang memberi tumpuan kepada aspek-aspek HSE serta rancangan masa hadapan dalam mencapai standard keselamatan yang tinggi.

Safeguarding Our Water Resources / Melindungi Sumber Air Kita



Datuk. Dr Ching Thoo a/l Kim, Secretary General of NRES together with Trienekens' BEE team.

Datuk. Dr Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES bersama Pasukan BEE Trienekens.

Trienekens recently participated in the regional World Water Day celebration held at the Kuching Waterfront. The World Water Day 2024's theme, 'Water for Peace', is in line with Sarawak's initiatives to develop an integrated water resource management to ensure sustainable water utilisation not only for clean water supply but also irrigation, hydropower and navigation benefiting future generations.

As one of the strategic partners, Trienekens joined forces with the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES) and Department of Environment (DOE) Sarawak to run a household electronic and electrical waste (BEE) collection campaign at the two-day event targeted at residents and nearby communities. This collaboration aimed to raise awareness about the importance of proper e-waste disposal and reduce the environmental impact of electronic waste on water resources. By promoting responsible waste management practices, the campaign contributes to the overall goal of ensuring a sustainable and peaceful coexistence with our natural environment.

Baru-baru ini, Trienekens telah menyertai sambutan Hari Air Sedunia serantau yang diadakan di Waterfront Kuching. Tema Hari Air Sedunia 2024, "Air Untuk Perdamaian" adalah selaras dengan inisiatif Sarawak untuk membangun pengurusan sumber air bersepadu untuk memastikan penggunaan air yang mampan bukan sahaja sebagai bekalan air bersih tetapi juga untuk tujuan pengairan, kuasa hidro dan pelayaran yang memberi manfaat kepada generasi akan datang.

Sebagai salah satu rakan strategik, Trienekens bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak untuk menjalankan kempen kutipan buangan elektronik dan elektrik (BEE) pada majlis dua hari itu yang disasarkan kepada penduduk dan komuniti sekeliling. Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pelupusan BEE yang betul dan mengurangkan kesan alam sekitar buangan elektronik terhadap sumber air. Dengan mempromosikan amalan pengurusan sisa yang bertanggungjawab, kempen ini menyumbang kepada matlamat keseluruhan untuk memastikan kewujudan bersama yang mampan dan aman dengan persekitaran semula jadi kita.

Engagement Session with Social Security Organisation (SOCSCO) Sesi Keterlibatan bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)



Trienekens strives to provide greater support and training for its employees, which helps enhance their safety at the workplace and beyond, including their commutes to and from the workplace. Trienekens and the Social Security Organisation (SOCSCO) had a discussion on the Commuting Safety Support Programme (CSSP) and potential future collaborations related to commuting safety. SOCSCO led by Shamshulbahri bin Rahmat, Prevention Ambassador, SOCSCO Kuching was welcomed by General Manager of HSE, Harris ak Michael Deho.

Trienekens berusaha untuk menyediakan sokongan dan latihan yang terbaik untuk pekerjaannya, agar membantu meningkatkan keselamatan mereka di tempat kerja dan di luar, termasuk perjalanan ulang-alik ke tempat kerja. Trienekens dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah mengadakan perbincangan tentang Program Sokongan Keselamatan Perjalanan (CSSP) dan potensi kerjasama antara Trienekens dan PERKESO berkaitan keselamatan perjalanan ulang-alik pada masa hadapan. PERKESO, diketuai oleh Shamshulbahri bin Rahmat, Duta Pencegahan, PERKESO Kuching telah disambut oleh Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho.

Improving Efficiency through Audits

Meningkatkan Kecekapan melalui Audit

Audits help to ensure efficient business operations, performance and credibility. Trienekens actively engages in audits to meet varying requirements and procedures set by its own internal policies, regulatory bodies and customers.

Audit membantu memastikan kecekapan operasi perniagaan, prestasi dan kredibiliti. Trienekens terlibat di dalam audit secara aktif bagi memenuhi keperluan dan prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh polisi dalamannya, badan-badan perundangan dan para pelanggan.

Audit by Sapura OMV (Sarawak) Inc. / Audit oleh Sapura OMV (Sarawak) Inc.

Sapura OMV recently visited Trienekens Head Office as part of their contractor audit and engagement programme. During the visit, Sapura OMV's representatives had the opportunity to review Trienekens' operational processes and systems to ensure compliance with industry standards, contract obligations and other applicable regulations. Both parties engaged in a productive discussion to identify potential areas for improvement that can enhance the efficiency, safety and sustainability of the waste management operations and services provided by the company in alignment with the customers' needs and expectations.

Sapura OMV telah melawat Ibu Pejabat Trienekens baru-baru ini sebagai salah satu program penglibatan dan audit kontraktor mereka. Semasa lawatan tersebut, wakil Sapura OMV berpeluang mengkaji proses dan sistem operasi Trienekens untuk memastikan pematuhan piawaian industri, obligasi kontrak dan peraturan lain yang berkaitan. Kedua-dua pihak terlibat dalam perbincangan yang produktif untuk mengenal pasti bidang yang berpotensi ditambah baik untuk meningkat kecekapan, keselamatan dan kemampuan operasi pengurusan sisa dan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat selaras dengan keperluan dan jangkaan pelanggan.



Trienekens Group CEO Stephen Chin (seated, second left) and General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho (standing, sixth left) along with Sapura OMV team representatives, Sr. Environmental Analyst, Nadia binti Ahamad Marakan (seated, second right), Sr. HSSE Specialist Mohd Azlan bin Md Isa (seated, third right) and Industrial Hygiene Advisor, Tengku Nazri bin Tengku Muda (seated, left).

CEO Kumpulan Trienekens Stephen Chin (duduk, kedua kiri) dan Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho (berdiri, keenam kiri) bersama pasukan Sapura OMV, Sr. Penganalisis Alam Sekitar, Nadia binti Ahamad Marakan (duduk, kedua kanan), Sr. Pakar HSSE, Mohd Azlan bin Md Isa (duduk, ketiga kanan) dan Penasihat Kebersihan Industri, Tengku Nazri bin Tengku Muda (duduk, kiri).

Contractor SSHE Audit by PTTEP Sarawak / Audit Kontraktor SSHE oleh PTTEP Sarawak



PTT Exploration and Production (PTTEP) recently conducted a comprehensive contractor audit at KIWMP and Trienekens HQ to ensure Trienekens' management system has been implemented and is in compliance with the Safety, Security, Health and Environmental (SSHE) requirements of the contract and applicable statutory and regulatory requirements. Client visits are crucial in building a solid understanding of the system implementation and provide an opportunity for open discussions and knowledge exchange. The group was led by Abdul Harith Abdul Hamid, Contract SSHE Representative/ Lead Auditor (second row, third right) and welcomed by Geoji Jusua, Division Manager of KIWMP RIM and HWI (front row, centre).

PTT Exploration and Production (PTTEP) baru-baru ini telah mengadakan audit kontraktor yang menyeluruh di KIWMP dan Ibu Pejabat Trienekens untuk memastikan sistem pengurusan Trienekens dilaksanakan dan memenuhi keperluan Keselamatan, Kawalan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SSHE) kontrak serta keperluan berkanun dan kawal selia yang berkenaan. Lawatan pelanggan penting untuk membina pemahaman yang kukuh tentang pelaksanaan sistem dan memberi peluang kepada perbincangan terbuka dan pertukaran pengetahuan. Pasukan tersebut diketuai oleh Abdul Harith Abdul Hamid, Wakil SSHE Kontrak/Ketua Juruaudit (baris kedua, ketiga kanan) dan disambut oleh Geoji Jusua, Pengurus Bahagian, KIWMP RIM dan HWI (barisan hadapan, tengah).

Empowering Excellence Through Training

Meningkatkan Kecemerlangan Melalui Latihan

The right training equips employees with the necessary skills to perform to their highest potential; boosting staff morale and productivity. In order to address the various competency requirements of the company's workforce, Trienekens' Human Resources Division recently organised a series of training programmes that focused on both technical and behavioural skills development.

Latihan yang sesuai melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang diperlukan untuk menampilkan potensi tertinggi mereka; meningkatkan semangat dan produktiviti kakitangan. Bagi memenuhi kepelbagaian keperluan para pekerja, Bahagian Sumber Manusia Trienekens baru-baru ini menganjurkan beberapa siri latihan yang tertumpu kepada pembangunan kemahiran teknikal dan perilaku.

ICP-OES (Inductively Coupled Plasma - Optical Emission Spectroscopy) System Training

Latihan Sistem ICP-OES (Inductively Coupled Plasma - Optical Emission Spectroscopy)



Trienekens' laboratory team recently underwent training on the ICP-OES (Inductively Coupled Plasma – Optical Emission Spectroscopy) system – a cutting-edge technology for elemental composition analysis. This system provides thorough analysis and insights that are crucial for informed decision-making and reinforces the company's mission for environmental sustainability.

Staf makmal Trienekens baru-baru ini menjalani latihan mengenai sistem ICP-OES – teknologi canggih untuk analisis komposisi unsur. Sistem ini menyediakan analisis dan pandangan menyeluruh yang penting untuk membuat keputusan termaklum dan mengukuhkan misi syarikat terhadap kelestarian alam sekitar.

Social Media Strategy Summit 2024 / Sidang Kemuncak Strategi Media Sosial



The two day training session focused on formulating effective content strategies and optimising social media performance for more effective online engagement with targeted customers. The training was attended by Trienekens Corporate Communications personnel.

Sesi dua hari tersebut memberi fokus kepada pembentukan strategi kandungan yang berkesan dan mengoptimumkan prestasi media sosial untuk memastikan penglibatan dalam talian yang berkesan bersama pelanggan yang tersasar. Latihan tersebut dihadiri oleh kakitangan Komunikasi Korporat Trienekens.

Essential Skills of an Effective Manager / Kemahiran Utama Pengurus yang Berkesan



Trienekens staff who participated in the Essential Skills of an Effective Manager training in February learned about the ever-changing work climate and the knowledge and competencies used in managerial work for highly productive teams.

Pekerja Trienekens yang menyertai Latihan Kemahiran Utama Pengurus yang Berkesan pada bulan Februari telah belajar tentang suasana kerja yang sering berubah dan pengetahuan dan kecekapan pengurusan untuk menghasilkan pasukan yang berproduktif tinggi.

Business Communication and Human Relations Skills Kemahiran Komunikasi Perniagaan dan Perhubungan Manusia

A group of Trienekens employees participated in a two-day training on Business Communication and Human Relations Skills. They had the opportunity to identify different types of personalities to ensure effective communication and how to influence those around them through quick analytical thinking.

Sekumpulan pekerja Trienekens telah menyertai latihan dua hari Kemahiran Komunikasi Perniagaan dan Perhubungan Manusia. Mereka berpeluang mengenali pelbagai jenis personaliti untuk memastikan komunikasi yang berkesan dan cara mempengaruhi orang di sekeliling mereka melalui pemikiran analitikal yang pantas.



Leadership and Superior Management Skills Kepimpinan dan Kemahiran Pengurusan Unggul



In March, several Trienekens employees attended a training on Leadership and Superior Management Skills. During the training, attendees discussed the impact managers have towards employee productivity and overall organisational performance in achieving its goals. The sessions also highlighted analytical thinking while maintaining creativity and innovation when it comes to decision making.

Pada bulan Mac, beberapa warga Trienekens telah menyertai latihan Kepimpinan dan Kemahiran Pengurusan Unggul. Semasa latihan, para hadirin membincangkan impak pengurus terhadap produktiviti pekerja dan prestasi keseluruhan organisasi dalam mencapai matlamatnya. Sesi tersebut juga menekankan pemikiran analitikal sambil mengekalkan kreativiti dan inovasi ketika membuat keputusan.

Refresher Training for iLMU Developers / Latihan Penyegar untuk Pembina iLMU



'i Learn More with you' or iLMU is a Trienekens' in-house digital learning and training platform for all staff. Training modules are produced by iLMU developers. Health, Safety & Security (HSS) Executive, Maria Esther Jotok conducted a refresher training for all module developers to ensure that the modules developed are in line with the Company's policies and procedures.

"i Learn More with you" atau iLMU adalah platform pembelajaran dan latihan digital dalam Trienekens untuk semua kakitangan. Modul latihan dihasilkan oleh pembina. Eksekutif Kesihatan, Keselamatan & Kawalan, Maria Esther Jotok mengendalikan latihan penyegar bagi semua pembina modul untuk memastikan modul yang dihasilkan selaras dengan dasar dan prosedur Syarikat.

Overhead Crane Safety Operation Training / Latihan Keselamatan Operasi Kren Overhed

A group of Trienekens employees recently participated in the Overhead Crane Safety Operation Training at the KIWMP. The training aimed to raise awareness on personal safety while operating the machinery and provide comprehensive information related to the overhead crane safety operation, laws, guidelines and the appropriate management system.



Sekumpulan pekerja Trienekens telah menyertai Latihan Keselamatan Operasi Kren Overhed di KIWMP baru-baru ini. Latihan ini bertujuan meningkatkan kesedaran keselamatan diri dan persekitaran semasa mengendalikan mesin sambil melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang lebih mendalam tentang operasi keselamatan kren overhed, undang-undang, garis panduan dan sistem pengurusan yang sesuai.

Management Engagement Session and Mandatory Training for Logistics and Services Teams Sesi Keterlibatan Pengurusan dan Latihan Wajib untuk Pasukan Logistik dan Perkhidmatan



A series of management engagement sessions between the management and operations team was conducted recently during the Municipal Waste Drivers and Loaders Mandatory Training. The sessions covered topics on safe handling and compliance with company's safety policies and procedures.



Beberapa sesi keterlibatan pengurusan telah diadakan secara bersiri di antara pihak pengurusan dan pasukan operasi semasa Latihan Wajib Pemandu dan Pemungkah Sisa Perbandaran baru baru ini. Sesi-sesi tersebut membincangkan pengendalian selamat dan pematuhan polisi dan prosedur keselamatan syarikat.

Supporting the Community Menyokong Komuniti

Trienekens' Corporate Social Responsibility (CSR) initiatives and sustainability efforts are an integral part in achieving the company's objective of being a catalyst for positive change. With the aim of building a healthy, safe and environmentally sustainable community, the company's CSR plan includes a wide scope of programmes aligned to its corporate vision, mission and policies. Trienekens' annual calendar of events is focused on community development, environmental protection, public awareness and education.

Inisiatif-inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan usaha-usaha kelestarian Trienekens merupakan satu bahagian penting dalam mencapai objektif syarikat menjadi pemangkin perubahan positif. Dengan matlamat membina komuniti yang sihat, selamat dan alam sekitar yang lestari, pelan CSR syarikat menggariskan skop program yang luas dan selari dengan visi, misi dan polisi korporat syarikat. Kalendar acara tahunan Trienekens memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti, perlindungan alam sekitar, pendidikan dan kesedaran awam.



Deputy Group CEO, Elvin Wee (second right), presenting the company's contribution to representatives of Kuching Choral Society in support of Sarawak Choral Festival 2024.

Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee (kedua kanan), menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil Persatuan Paduan Suara Kuching sempena Sarawak Choral Festival 2024.

Trienekens' General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (second right) handing over plastic chairs to representatives of St. Francis Xavier Catholic Church, Kampung Seratau in support of their community activities.

Pengurus Besar, Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow (kedua kanan) menyerahkan sumbangan kerusi plastik kepada wakil Gereja Katolik St. Francis Xavier, Kampung Seratau untuk akitiviti komuniti mereka.





General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho (centre) presenting the company's contribution to representatives of Sarawak Fire and Rescue Department's Sports and Welfare Club in support of Sarawak Bomba Run 2.0.

Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho (tengah) menyampaikan sumbangan syarikat kepada wakil Persatuan Sukan dan Kebajikan Bomba Sarawak sempena Sarawak Bomba Run 2.0.



General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho (centre) presenting the company's contribution to KK Kampung Mambong, Mr James Dio in support of their Pre-Gawai Event 2024.

Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho (tengah) menyerahkan sumbangan syarikat kepada KK Kampung Mambong, Mr James Dio untuk acara Pra-Gawai 2024.



Department Manager for Business Development, Hansen Shim (right) handing over electrical hampers to representatives of Tabika KEMAS Kampung Sungai Tapang in support of their Appreciation Ceremony Session 2023/2024.

Pengurus Jabatan Pembangunan Perniagaan, Hansen Shim (kanan) menyerahkan hamper elektronik kepada wakil Tabika KEMAS Kampung Sungai Tapang sempena Majlis Penghargaan Sesi 2023/2024 mereka.



Division Manager for Corporate Communications, Janet Balong (far right) presenting a mock cheque to Kuching Autistic Association in support of Meow Autism Run 2024.

Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Janet Balong (hujung kanan) menyerahkan mock cek kepada Persatuan Autistik Kuching sempena Larian Meow Autism 2024.

The Role of Sanitary Landfill in Modern Waste Management

Peranan Tapak Pelupusan Sanitari dalam Pengurusan Sisa Moden

Sanitary landfills, similar to the one at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) Mambong, are uniquely engineered disposal sites where waste is deposited within pits underlined with high quality and environmentally protective liners and equipped with leachate wastewater and methane gas collection system. It is designed foremost to protect the environment and prevent contamination by eliminating any adverse impacts arising from the waste disposal process.

Due to the increasing waste volume and complexity of modern solid waste composition, experts have been looking for more sustainable options other than landfills for managing solid waste, which is now viewed as a new form of resource. Many view sanitary landfills as the least desirable waste management option due to their unsustainability and negative impacts on the environment.

Landfills consume valuable land space that could be potentially be developed for housing, agriculture, industrial, infrastructure and recreational use or preserved for conservation. Additionally, they represent significant waste of resources, as most materials disposed of in landfills, such as plastics, metals and paper, could still be recycled and repurposed. With modern technology, waste can be converted into energy or raw materials, reducing the dependence on landfills in waste management. The adoption of waste-to-energy (WTE) processes and plants for managing solid waste is one of the options to fill in the gap.

WTE is a process involving the recovery of energy from waste where waste materials are converted into heat, electricity or fuel through various processes. Few are aware that if harnessed, sanitary landfill can also be a WTE system, where landfill gas (LFG) generated from the decomposition process of solid waste is captured and converted into a renewable energy resource. After undergoing treatment processes, potential applications of treated LFG include energy for industrial processes, pipeline gases and vehicle fuel.

Incorporating LFG as part of the WTE ecosystem produces a series of benefits for the local communities and the environment, as it creates partnerships and work opportunities through energy projects that help sustain natural resources through the use of alternative energy sources.



By using LFG as one of the alternative energy sources, methane gas emissions can be reduced, leading to the mitigation of global climate change and air pollution. According to the US Environmental Protection Agency, it is estimated that a typical LFG energy project will capture and make use of about 60 to 90 percent of the methane emitted from the landfill, depending on the effectiveness of the system design.

In considering some of the other waste management options, technologies and methods include material recovery facility (MRF), waste to energy incineration plant and organic waste treatment using anaerobic digestion. Each of these methods has its own unique processes and advantages in treating solid waste, but what they have in common is that each produces residue, be it organic and inorganic, at the end of its process. These residues will typically need to be disposed of in a sanitary landfill which can safely contain and manage the residues that can no longer be further processed or recycled.

With advanced technology, innovation and safe environmental engineering, landfills still play a pivotal role in the waste management process as the final destination for residues produced by other waste treatment technologies or methods.

Through appropriate development and innovation, landfills can be an integral and functional component of the modern waste management system to achieve desired sustainability goals, serving as a new resource for renewable energy that help accelerate circular economy while ensuring long-term environmental and public health protection for the community.

Tapak pelupusan sanitari, seperti yang terdapat di Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) Mambong, adalah tapak pelupusan yang tereka bentuk dengan unik di mana sisa disimpan dalam lubang yang dilapik dengan pelapik pelindungan alam sekitar dan dilengkapi dengan sistem pengumpulan air resapan sisa dan gas metana. Ia direka khusus untuk melindungi alam sekitar dan mengelak pencemaran dengan menghapuskan sebarang impak buruk yang terhasil daripada proses pelupusan sisa.

Disebabkan oleh jumlah dan kerumitan komposisi sisa pepejal yang kian meningkat, para pakar sedang mencari pilihan-pilihan lain yang lebih mampan daripada tapak pelupusan untuk mengurus sisa pepejal yang kini dilihat sebagai satu bentuk tenaga yang baru. Ramai yang menganggap tapak pelupusan sampah sanitari sebagai pilihan pengurusan sisa yang paling tidak diinginkan kerana ia tidak mampan dan membawa impak yang negatif ke atas alam sekitar.

Tapak pelupusan sisa menggunakan ruang tanah berharga yang berpotensi dibangunkan untuk tujuan perumahan, pertanian, perindustrian, infrastruktur dan kegunaan



Sanitary Landfill/
Tapak Pelupusan Sanitari

rekreasi atau dipelihara untuk pemuliharaan. Selain itu, ia melambangkan pembaziran sumber yang ketara kerana kebanyakan bahan yang dilupuskan di tapak pelupusan sisa, seperti plastik, logam dan kertas, masih boleh dikitar semula dan digunakan semula. Dengan teknologi moden, sisa boleh ditukar menjadi tenaga atau bahan mentah dan mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan sisa dalam pengurusan sisa. Penggunaan proses-proses dan loji-loji sisa-ke-tenaga (WTE) untuk mengurus sisa pepejal dilihat sebagai salah satu pilihan untuk merapatkan jurang tersebut.

WTE merupakan satu proses melibatkan pemerolehan tenaga daripada sisa di mana ia diubah menjadi tenaga terpakai, elektrik atau bahan api melalui beberapa proses. Ramai menyedari bahawa jika dimanfaatkan, tapak pelupusan juga boleh dijadikan satu sistem WTE di mana gas tapak pelupusan (LFG) yang terhasil daripada proses penguraian sisa pepejal akan diubah menjadi satu sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Selepas menjalani proses rawatan, LFG berpotensi digunakan sebagai tenaga untuk proses perindustrian, gas lingkaran paip dan bahan bakar kenderaan.

Menggabungkan LFG dalam sistem WTE memberikan beberapa manfaat kepada komuniti tempatan dan alam sekitar kerana ia mewujudkan perkongsian dan peluang-peluang pekerjaan melalui projek-projek tenaga yang boleh memelihara alam sekitar dengan penggunaan sumber-sumber tenaga alternatif.

Dengan menggunakan LFG sebagai salah satu sumber tenaga alternatif, pelepasan gas metana dapat dikurangkan dan membawa kepada pengurangan perubahan iklim

global dan pencemaran udara. Menurut anggaran Agensi Pelindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat, sebuah projek tenaga LFG dapat menangkap dan memanfaatkan antara 60 ke 90 peratus metana yang terhasil oleh tapak pelupusan, bergantung kepada keberkesanan rekaan sistem.

Dalam mempertimbangkan beberapa pilihan pengurusan sisa lain, teknologi-teknologi dan pendekatan-pendekatan pelupusan sisa pepejal lain termasuk kemudahan pemulihan bahan (MRF), loji insinerator sisa kepada tenaga dan rawatan sisa organik menggunakan pencernaan anaerobik. Setiap pendekatan ini mempunyai keunikan dan kebaikan prosesnya tersendiri dalam merawat sisa. Namun, mereka mempunyai satu persamaan iaitu setiap satunya menghasilkan baki atau residu, sama ada organik dan bukan organik, di akhir prosesnya. Baki sisa ini lazimnya perlu dilupuskan di tapak pelupusan sanitari yang boleh menampung baki sisa yang tidak dapat diproses atau dikitar semula lagi dan menampungnya dengan selamat.

Dengan kemajuan teknologi, inovasi dan kejuruteraan alam sekitar selamat, tapak pelupusan masih memainkan peranan yang penting dalam proses pengurusan sisa kerana ia menjadi destinasi akhir untuk baki-baki sisa yang dihasilkan oleh teknologi atau kaedah rawatan sisa yang lain.

Melalui pembangunan dan inovasi terkini, tapak pelupusan boleh menjadi satu komponen yang lengkap dan berfungsi dalam sistem pengurusan sisa moden untuk mencapai matlamat kelestarian yang diingini, dan menjadi satu sumber baru dalam tenaga yang boleh diperbaharui yang mempercepatkan ekonomi kitaran dan memastikan alam sekitar dan kesihatan awam untuk komuniti terus dilindungi untuk jangka panjang.

New Team Members / Tenaga Kerja Baru

Kuching Depot/ Depot Kuching



Zita Bungan Donol
Junior Supervisor,
Logistics & Services
*Penyelia Muda,
Logistik &
Perkhidmatan*



Mohamad Fadzil Bin Ahmad
Logistics Assistant
Pembantu Logistik

Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP)

Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching



Fremlin Chundi Anak Francis
General Operations Assistant 1, KIWMP Maintenance
Pembantu Operasi Am 1, Penyelenggaraan KIWMP



Jordan Anak Mike
General Operations Assistant 1, KIWMP Maintenance
Pembantu Operasi Am 1, Penyelenggaraan KIWMP

Bintulu Branch/ Cawangan Bintulu



Dennis Anak Baca
Driver, Scheduled Waste Pemandu,
Sisa Terjadual



Lejau Anak Alo
Driver, Scheduled Waste Pemandu,
Sisa Terjadual



Wong Fey Hong
Attendant, Scheduled Waste Atendan,
Sisa Terjadual

Promotions / Kenaikan Pangkat

Kuching Headquarters/ Ibu Pejabat Kuching



Diana Labung
Senior Executive, Corporate Communications
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat



Jong Suk Fui
Senior Executive Administrator, Business Development
Pentadbir Eksekutif Kanan, Pembangunan Perniagaan



Nur Afiqah Binti Mohamad
Senior Supervisor, Logistics & Services
Penyelia Kanan, Logistik & Perkhidmatan



Mohamad Hafeez Bin Razak
Supervisor, Logistics & Services
Penyelia, Logistik & Perkhidmatan



Benard Anak Daho
Junior Supervisor, Logistics & Services
Penyelia Muda, Logistik & Perkhidmatan

Kuching Logistics and Services/ Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching

Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP)/ Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching



Gekali Anak Jusua
Division Manager, RIM & HWI
Pengurus Bahagian, RIM & HWI



Jee Tse Seng
Department Manager, Maintenance
Pengurus Jabatan, Penyelenggaraan



Abang Aimaan Bin Abang Abdul Halil
Senior Engineer, HWI
Jurutera Kanan, HWI



Rudi Anak Ringes
Supervisor, RIM
Penyelia, RIM



Sylvester Anak Lim Heng
Senior Maintenance Technician, Electrical
Juruteknik Penyelenggaraan Kanan, Elektrik



Jerry Kenes Anak Tagal
Team Leader, RIM
Ketua Pasukan, RIM



Damel Anak Berem
General Operations Assistant 1, Landfill
Pembantu Operasi Am 1, Tapak Pelupusan



Alexander Anak Acheng
General Operations Assistant 1, Landfill
Pembantu Operasi Am 1, Tapak Pelupusan



Andry Krisnal Anak Petrus
General Operations Assistant 1, Landfill
Pembantu Operasi Am 1, Tapak Pelupusan

Bintulu Branch/ Cawangan Bintulu



Doreen Anak Lang
Department Manager, Bintulu Branch
Pengurus Jabatan, Cawangan Bintulu



Lau Sii Wei (Lawrence)
Senior Executive, Business Development
Eksekutif Kanan, Pembangunan Perniagaan



Matu Anak Grang
Senior Supervisor, Scheduled Waste
Penyelia Kanan, Sisa Terjadual

Spot The Difference / Carikan Perbezaan



Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win a JBL GO 3 Portable Waterproof Speaker.

Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang memenangi Pembesar Suara Kalis Air Mudah Alih JBL GO 3.



Congratulations to Stayce ak Jub, winner of last issue's Spot the Difference contest. She brought home a JBL GO 3 Portable Waterproof Speaker!

Tahniah kepada Stayce ak Jub, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Beliau membawa balik Pembesar Suara Kalis Air Mudah Alih JBL GO 3!

Please send in your entry to the following address before **15 October 2024**. Late entries will not be entertained.

*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum **15 Oktober 2024**. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.**
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching, Sarawak.

Personal Details/ Butiran Peribadi

All the terms stated in Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice are applicable: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. By completing this form, you are deemed to be aware and consent to Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice.

Semua terma yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd adalah digunakan: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. Dengan melengkapkan borang ini, anda dianggap memahami dan bersetuju dengan Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd.

Name/Nama

IC No./No. KP

Are you a Trienekens' Staff?/Adakah anda pekerja Trienekens? Yes/Ya No/Tidak

(If yes / Jika ya) Trienekens' Employee No. / No. Pekerja Trienekens:

Address/Alamat

Tel. No./No. Tel



Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. 199901010396 (485296-V)
Your Trusted Partner In Environmental Management

Headquarters (Kuching)

216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6082 610700
Hotline : +6082 612300
Fax : +6082 620120
Email : customercare@trienekens.com.my

Bintulu Branch & Depot

Lot 4034 Block 26,
Kemena Land District,
Kidurong Light Industrial Estate,
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6086 253959
Fax : +6086 253115
Email : customercare@trienekens.com.my

www.trienekens.com.my